

Projek tebatan banjir fokus Selayang, Klang, Petaling

SELAYANG - Selayang, Klang dan Petaling akan diberikan tumpuan utama dalam projek tebatan banjir melalui peruntukan RM80 juta yang diumumkan dalam bajet negeri baru-baru ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani merangkap Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib berkata, peruntukan tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 70.2 peratus berbanding bajet terdahulu.

Menurutnya, peruntukan besar tersebut menunjukkan keseriusan kerajaan negeri mengatasi masalah tersebut yang antara isu utama dalam Selangor.

"Pentadbiran kerajaan negeri sudah baik, pendapatan memberangsangkan jadi kita tak mahu isu banjir menjadi perkara yang mencacatkan prestasi terbaik di Selangor.

"Sebanyak RM24 juta turut diperuntukkan untuk penyelenggaraan kolam takungan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, melalui peruntukan besar itu kawasan Selayang Baru yang antara lokasi hotspot banjir kilat akan diberikan keutamaan.

"Beberapa pelan yang dirangka sebelum ini akan dilaksanakan dan menjadi fokus untuk mengurangkan kesan permasalahan yang berlarutan dalam tempoh yang lama di kawasan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika majlis pecah tanah gelanggang futsal di Selayang Utama yang bakal berwajah baru bagi memenuhi keperluan dan kehendak penduduk di kawasan itu.

"Setiap kawasan ada masalah sendiri seperti di Selayang Utama telah beberapa kali mereka mohon kemudahan itu dan kita usahakan cari dana untuk realisasikan pembinaan gelanggang serbaguna yang menelan kos RM100,000.

"Sebahagian kos ditanggung oleh Pusat Khidmat Dun Taman Templer sementara bakinya dibantu melalui dana daripada kerajaan negeri melalui pejabat tanah," katanya.